

MAKLUMAT AM KEMASUKAN PELAJAR BAHARU
AMBILAN SESI 1 2023/2024
PROGRAM DIPLOMA

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Tarikh Pendaftaran Online	23 Julai 2023 melalui pautan https://shorturl.at/clrxV i) Pendaftaran online wajib diisi bagi pengesahan penginapan dan pelajar wajib menghadiri secara bersemuka pada tarikh yang diberi.
2.	Tarikh Pendaftaran Bersemuka	13 Ogos 2023 (Wajib)
3.	Tempat Pendaftaran	Rujuk Surat Tawaran
4.	Masa Pendaftaran	Rujuk Surat Tawaran
5.	Yuran Pengajian	Rujuk Surat Tawaran
6.	Surat Tawaran Asal	Anda wajib mencetak surat tawaran <i>online</i> mulai 08 Julai 2023 (Sabtu) https://medsi.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran/ Sila buat salinan tambahan untuk kegunaan masa hadapan kerana surat tawaran hanya dikeluarkan SEKALI sahaja.
7.	Cara Bayar Yuran Pendaftaran / Pengajian	i) Bayaran Yuran Pengajian secara online di portal pembayaran ePayment@UPSI atau JomPay boleh dibuat mulai 11 JULAI 2023 (SELASA) ii) Pembayaran Yuran Pengajian juga boleh dibayar di semua cawangan Bank Islam mulai 12 JULAI 2023 (RABU) iii) Kemukakan Surat Tawaran Online dan Kad Pengenalan di kaunter Bank Islam iv) Cara dan kaedah lain pembayaran yuran adalah seperti di Lampiran A atau pautan http://bit.ly/upsipay
8.	Pembukaan Akaun Bank	Pembukaan Akaun Bank i. Pelajar UPSI adalah WAJIB mempunyai akaun simpanan bank RHB. ii. Pelajar boleh memilih untuk membuka akaun bank RHB sendiri di mana-mana cawangan bank RHB atau membenarkan UPSI membukakan akaun RHB bagi pihak pelajar. iii. Panduan pembukaan akaun bank RHB oleh pelajar seperti di pautan https://drive.google.com/drive/folders/1MqLE_M3jKPFZSyKltZwrzrha4qUu5oFb?usp=sharing . iv. Pelajar yang memilih untuk membenarkan UPSI membukakan akaun bank bagi pihak pelajar, perlu membuat pilihan semasa pengesahan Setuju Terima Kemasukan UPSI. v. Maklumat nombor akaun bank RHB bagi pelajar yang memilih untuk membenarkan UPSI membukakan akaun bank, boleh disemak di portal UniSIS dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran. vi. Akaun bank RHB yang dibuka sendiri atau melalui UPSI boleh digunakan untuk permohonan PTPN /tajaan lain.

MAKLUMAT AM KEMASUKAN PELAJAR BAHARU
AMBILAN SESI 1 2023/2024
PROGRAM DIPLOMA

BIL.	PERKARA	CATATAN
9.	Tukar Program Pengajian	Program yang ditawarkan adalah muktamad DAN berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki. Jika ditawarkan program bukan dalam pilihan, ia adalah berdasarkan persetujuan anda untuk menerima apa-apa program selain dalam pilihan semasa permohonan <i>online</i> . Pertukaran program adalah TIDAK DIBENARKAN . Jika anda tidak bersetuju dengan program yang ditawarkan, anda dibolehkan menolak tawaran ini. Penolakan program tidak akan disenaraihitamkan.
10.	Borang-borang yang perlu diisi	Sila Muat turun daripada laman web (https://medsi.upsi.edu.my/admission/DIPLOMAE231/) i. Borang Permohonan Penginapan Kolej Kediaman (B2) ii. Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (B4) iii. Borang Pengesahan Pendapatan (B5)
11.	Muat Naik (Upload) Dokumen	Wajib Muat Naik (Upload) di URL https://medsi.upsi.edu.my/evaultonline/ salinan dokumen dalam bentuk PDF Format seperti berikut: i. 1 salinan kad pengenalan ii. 1 salinan sijil lahir iii. 1 salinan slip/sijil SPM iv. 1 Salinan Surat Tawaran v. Borang Pengesahan Pendapatan B5 vi. 1 salinan kad OKU (jika berkenaan)
12.	Pemeriksaan Kesihatan	WAJIB menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti , Universiti Pendidikan Sultan Idris - Sila gunakan borang yang disediakan
13.	PTPTN	- Permohonan boleh dibuat melalui kaedah <i>Online</i> di http://www.ptptn.gov.my/ - Sebagai persediaan untuk memohon sila cetak MAKLUMAT PERMOHONAN PTPTN
14.	Daftar Lewat	Tidak dibenarkan kecuali kes-kes tertentu (Sakit/Kematian)
15.	Tangguh Kemasukan Semester	Tidak dibenarkan kecuali kes-kes tertentu seperti kematian.
16.	Slip Pendaftaran Kursus dan Jadual Kuliah	Sila cetak slip dan jadual kuliah mulai 20 Ogos 2023 (Ahad) di MyUPSI Portal saudara/i. Boleh login selepas mendaftar di Universiti dan telah diaktifkan sahaja. Akses sebelum mendaftar adalah tidak dibenarkan. Kuliah bermula pada 21 OGOS 2023 (Isnin)
17.	Kad Matrik	Sila 'upload'(muatnaik) gambar berukuran paspot ke http://umpc.upsi.edu.my/ untuk urusan kad matrik/kad pelajar selewat-lewatnya pada 6 Ogos 2023 (Ahad)

MAKLUMAT AM KEMASUKAN PELAJAR BAHARU
AMBILAN SESI 1 2023/2024
PROGRAM DIPLOMA

BIL.	PERKARA	CATATAN
18.	Ujian DASS21	<p>Sila membuat Ujian Saringan Kesihatan Mental iaitu DASS21 dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti maklumat berikut:</p> <p>Tarikh Ujian : 23 Julai 2023 - 23 Ogos 2023</p> <p>Pautan Ujian DASS21 : https://pkdass21.upsi.edu.my/Apps/html/menu.html</p> <p>Pautan Ujian PHQ9,GAD-7 & WHOOLEY : https://forms.gle/r1vTy9LBqK9GUhJn9</p>
19.	Pelekat Kenderaan	<p>Sila muat turun pelekat kenderaan mengikut sesi anda mendaftar (Sesi mendaftar rujuk surat tawaran online) untuk membolehkan kenderaan anda memasuki tempat pendaftaran.</p> <p>Sesi : 9.00 pagi - 12.00 tengahari</p> <p>Sila hadir mengikut sesi yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan (rujuk surat tawaran).</p>
20.	Maklumat Penting	<p>Kesesakan kenderaan ibu bapa/pelajar baharu di tempat pendaftaran akan berlaku kerana jumlah kemasukan yang ramai. Kawasan parkir kenderaan di kolej kediaman juga amat terhad. Berkongsi kenderaan untuk datang mendaftar amat digalakkan. Kesabaran dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai.</p>